

Cinta Bukh pada alam

Tatkala rakan sebaya sedang sibuk dengan aktiviti tersendiri, Ahmad Bukhari atau lebih mesra dengan panggilan Bukh merancang pelbagai program bagi memastikan alam sekitar sentiasa dilindungi.

Seiring dengan minatnya itu, anak kelahiran Batu Pahat, Johor berkenaan meneruskan pengajian dalam Ijazah Sains dan Teknologi Alam Sekitar di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sejak berada pada tahun pertama pengajian, Bukh merancang pelbagai aktiviti yang berbentuk penjagaan alam sekitar seperti menganjurkan kempen kesedaran minggu alam sekitar, Tree Planting Standard Chartered, Program Race For Green, Earth Hour, Program Sukarelawan Zoo Negara.

Ke luar negara

Terbaru, beliau mewakili UPM ke Program Mobiliti Pemandu Kampus Hijau ke Universiti Incheon, Korea Selatan dan Universiti Shinshu, Japan bagi membincangkan isu alam sekitar dan penyelesaiannya.

Kapasitinya sebagai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar memberi nilai tambah kepadanya untuk terus berjuang bagi melestarikan alam sekitar.

Beliau juga mencadangkan beberapa kaedah untuk memastikan penjagaan alam sekitar menjadi keutamaan di UPM.

“Alam sekitar hari ini perlu

kita jaga untuk generasi yang akan datang.

“Kita tidak mahu suatu hari nanti apa yang ada sekarang ini tidak sempat dinikmati oleh generasi masa depan dan mereka akan menyalahkan kita kerana tidak menjaga alam ini dengan baik.

Kampus hijau

“Di universiti, kepentingan penja-

gaan alam sekitar mampu digerakkan dengan pelbagai pendekatan dan paling mudah, amalan gaya hidup mesra alam sekitar kalangan warga kampus perlu dipupuk dalam usaha menjadikan UPM sebagai kampus hijau yang lestari,” katanya.

Menggalas tugas sebagai

pemimpin dalam masa yang sama bergelar mahasiswa bukannya satu perkara yang mudah.

Namun, Bukh bijak mengatur masanya dengan baik dibantu sokongan keluarga dan rakan yang banyak memberikan semangat kepadanya.

Walaupun sibuk, katanya, akademik tetap menjadi keutamaan

dan tidak boleh diabaikan kerana tujuan utama mahasiswa adalah untuk belajar.

“Kokurikulum adalah nilai tambah dalam kehidupan,” katanya.

Bukh juga tidak lokek untuk berkongsi tips kejayaannya kepada mahasiswa dalam memastikan setiap perkara yang dirancang membuahkan hasil.

PROFIL

Nama: Ahmad Bukhari A Rahim

Umur: 23 tahun

Tarikh Lahir: 4 Disember 1990

Asal: Batu Pahat, Johor

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar
Cita-Cita: Perunding Alam Sekitar

Pencapaian:

- Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar 2012/2013 UPM
- Timbalan Naib Yang Dipertua I Majlis Perwakilan Pelajar 2011
- Anugerah Kecemerlangan Akademik Za'ba
- Presiden Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Alam Sekitar
- Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Pendeta Za'Ba